

Pemikiran Imām Al-Ghazālī Tentang Pendidikan Al-Qur'ān: Kajian Awal

Dr. Shohibuddin Bin Haji Laming
Fakulti Usuluddin
Universiti Islam Sultan Sharif Ali
Brunei Darussalam
Shohibuddin.laming@unissa.edu.bn

Vol.3, Issue 1 | January 2020

KEYWORDS

al-Qur'an, pemikiran, al-Ghazālī, pendidikan

ABSTRACT

Pemikiran merupakan suatu yang badīhī (asas) atau kejelasan semata-mata, dan kerana kejelasannya maka tidak perlu dicari dalil dan pembuktiannya. Pemikiran adalah modal dan alat yang penting di dalam kehidupan umat manusia, tetapi pemikiran haruslah ada yang menuntunnya agar sentiasa berada di jalan yang benar. Penuntun yang dimaksud adalah Al Qur'ān Al-Karīm, kerana merupakan wahyu daripada Allāh Subhānahū wata'ālā. Jadi, pemikiran adalah pemberian daripada Allāh Subhānahū wata'ālā untuk manusia sebagai alat untuk berfikir. Oleh kerana itu, pemikiran haruslah sentiasa sejalan dengan Al-Qur'ān Al-Karīm kerana tanpa petunjuk Al Qur'ān Al-Karīm, maka manusia akan sesat. Jadi, Islam adalah agama fikiran, dengan erti bahawa mengakui pemikiran sebagai asasnya dan sebagai alat untuk membela kebenaran. Imām Al-Ghazālī merupakan tokoh pendidikan Islam yang sudah tak diragukan lagi kemampuannya dalam bidang kependidikan Islam. Menurutnya, pendidikan merupakan proses memanusikan manusia sampai akhir hayatnya menuju pendekatan diri kepada Allāh Subhānahū wata'ālā sehingga menjadi manusia sempurna. Tujuan pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī adalah membentuk manusia ṣālih. Di dalam artikel ini, penulis menyetengahkan tokoh agung ini tentang Pemikiran Imām Al-Ghazālī tentang Pendidikan Islam. Tokoh agung yang dimaksud adalah Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ahmad Al-Ghazālī.

Difinasi pemikiran

Di dalam kamus Arab, Yusuf Munawwir mengatakan bahawa "pemikiran" berasal dari ungkapan bahasa Arab *fakkara_yufakkiru_tafkiran* yang bererti "berfikir". *Mufakkir* (مفكر) bererti "pemikir", *al-Mufakkirūn* (المفكرون) bererti orang-orang yang berfikir "*Fikrun*" atau "*Fikratun*" bererti "fikiran".¹

¹Yusuf Munawwir, *Kamus Arab-Indonesia*, Pondok Krapyak, Yogyakarta, Indonesia 1982, hlm. 1148.

Dari kamus lain, Hornby (1984) menyebutkan bahawa "*Mufakkirūn*", "*Fikrun*" atau "*Fikratun*" (فكرة), iaitu sama maknanya dengan "*ilmuwan*" dan "*Mu'allimun*" (معلم) yang bererti "terpelajar" atau "intelekt".² Menurut Umar Bakry, pemikiran sejalan dengan intelek, antara kedua-duanya saling lengkap-

²A.S.

Hornby, *Oxford Advanced Learners Dictionary of Current English*, Oxford University Press, London 1979, hlm. 444.

melengkapi, kerana orang yang bersifat intelek memiliki daya pemikiran yang tinggi.³ Intelektual memiliki makna seperti berikut "intelector" (yang mengerti), "intellectualis" (akal budi), "intellectus" (pengertian, faham, pengetahuan, kebijaksanaan dan pemikiran), "intellegens" (berbudi baik, bijak, arif, pandai dan ahli).

Oleh itu, pemikiran adalah sesuatu (alat) yang dipunyai oleh orang yang mahu berfikir, dan hasil daripada usaha untuk berfikir itu dinamakan "buah" atau "hasil" pemikiran, dan "intelektual" adalah seseorang yang menggunakan pemikiran tersebut untuk sampai kepada tujuan, dan pencapaian intelektual itu berupa menguasai minimal sesuatu ilmu. Dengan takrif lain, pemikiran adalah alat yang digunakan oleh intelektual dengan sifat-sifatnya yang tertentu seperti berbudi, arif dan ahli di dalam perkara tersebut, kerana dia menguasai ilmu tersebut, maka dia harus cerdik, bijak dan pintar di dalam memelihara dan mengembangkan ilmunya, dan melalui kemampuan kognitifnya, dia mampu mengetahui dan mengenal segala gejala fenomena di sekitarnya. Ahli fikir dengan kemampuan memorinya, mampu mengingat dan membuat perbandingan di dalam mempelajari sesuatu dengan tepat dan sungguh-sungguh. Melalui kemampuan pemusatannya, dia mampu melaksanakan norma dan tingkah laku, sedangkan dengan akal budinya dia mampu mengerti, bersikap benar dan mengambil keputusan, melalui kemampuan penyimpangannya dia mampu berfikir bebas, konstruktif serta kreatif, dan melalui kemampuan penilaiannya dia mampu dan sanggup berfikir kritis di dalam membuat ramalan, penaksiran, perbandingan, penilaian dan kesimpulan.

Ciri-ciri pemikir menurut Imām Al-Ghazālī

"Ciri-ciri pemikir menurut Imām Al-Ghazālī akan kelihatan pada diri seseorang ahli fikir adalah apabila ia mampu berfikir dan bertindak balas, berfikir logik, rasional, ilmiah (*scientific*), objektif dan sistematik"⁴. Dia harus mampu menjelaskan sesuatu perkara melalui pendekatan yang logik, rasional dan fenomenal. Pemikiran yang dianggap berhasil, apabila ia melalui proses pendidikan yang sempurna atau latihan yang berterusan. Hal ini dapat

diperolehi melalui kajian yang mendalam dengan disiplin ilmu yang benar. "*Ketekunan di dalam berfikir dan mencari kebenaran atau menyelesaikan suatu masalah adalah refleksi daripada ciri dirinya sebagai makhluk berfikir*".⁵

Ciri yang lain menurut Imām Al-Ghazālī adalah "*seseorang yang tidak mudah terpengaruh, tidak cepat percaya dan tidak emosional, kerana telah terbiasa dengan keadaan yang ada. Oleh kerana itu, seseorang pemikir haruslah memiliki sifat universal dan terbuka sesuai dengan sifat ilmu yang dipelajarinya*". Jadi, pemikir adalah seorang intelektual yang dalam pola tingkah laku dan kegiatan ilmiahnya didasari oleh norma-norma, syarat-syarat dan ciri-ciri yang harus ada pada seorang pemikir, dan pemikiran itu sendiri adalah alat paling penting untuk merealisasi sesuatu hasil pemikiran.⁶

Sumber pemikiran menurut Imām Al-Ghazālī.

Di dalam mengikuti perkembangan pemikiran di dunia Islam khususnya, maka seseorang tidak dapat memisahkan diri daripada dasar-dasar Al-Qur`ān sebagai sumber rujukan di dalam pengembangan ilmu, dan pengembangan ilmu itu hanya dapat dijalankan apabila seseorang mampu menelaah *khazanah ilmu yang pernah ditulis oleh ilmuwan-ilmuwan Muslim*. Menurut Imām Al-Ghazālī, "*Kunci di dalam mempertingkatkan pemikiran dan daya fikiran itu adalah dengan jalan "membaca"*. Begitu pentingnya membaca, sehingga Allāh Subhānahū Wata`ālā menekankannya dalam firman-Nya kepada Nabi Muhammad Ṣallalāhu `alaihi wasallam dengan kata "(bacalah) iaitu untuk menyuruh semua manusia agar sentiasa membaca. Manusia diminta supaya meneliti dan melihat ke dalam dirinya sendiri, kerana berfikir untuk sesuatu yang berfaedah itu adalah *ibādah*. Allāh Subhānahū Wata`ālā telah berfirman:

"Sesungguhnya tentang kejadian langit dan bumi, dan pergantian malam dan siang, akan menjadi keterangan bagi orang-orang yang mengerti".⁷

³Umar Bakry, *Kamus Indonesia - Arab - Inggeris*, Mutiara Sumber Widya, cetakan keenam, Jakarta 1983, hlm. 109.

⁴Zainuddin. 1991. *Seluk Beluk Pendidikan Al Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara. Hal: pendahuluan.

⁵ Soussi, K. (2016). Al Ghazali Cultivates Education: A Comparison with Modern Theories. *Islamic Spirituality : Theology and Practice for the Modern World*,4(11). doi:10.5040/9781474297820.0013. P: 12-14

⁶ Watt. W. Montgomery.1952. *The Authenticity of the Works Attributed to al-Ghazālī*. (PDF). Journal of the Royal Asiatic Society. Doi :10.1017/S0035869X00105118. P: 62

⁷Al-Qur'an; Ali `Imran: 190.

FirmanNya lagi: "Orang yang mengingati Allāh, ketika berdiri dan duduk, ketika berbaring dan mereka memikirkan kejadian langit dan bumi (mereka mengatakan): Wahai Tuhan Kami! Tidaklah Engkau menjadikan ini dengan sia-sia, Maha Suci Engkau, peliharalah kami daripada siksa api neraka".⁸

Proses pemikiran ini dimulai daripada proses mengidentifikasikan masalah (ontologi), bagaimana masalah itu terjadi (epistemologi), dan untuk apa ia dijadikan (aksiologi). Tiga cabang daripada sistematika berfikir ini merupakan sebahagian daripada kegiatan seorang pemikir. Merekalah yang dimaksudkan oleh Al-Qur`ān sebagai golongan *Ulu al-Albāb*.⁹ Di dalam Al-Qur`ān didapati 16 kali *Ulu al-Albāb* dan 36 kali perkataan lain yang berkaitan, iaitu *al-Mufakkirūn*, *Fikrun* dan *Fikratun*.

Menurut Imām Al-Ghazālī, para ahli fikir ini adalah orang-orang yang diberi hikmah dan kebajikan yang banyak: *"Sesungguhnya Allāh telah memberi kurnia kepada orang-orang yang beriman, kerana Dia telah mengutus kepada mereka seorang Rasul dari antara mereka sendiri, yang akan membacakan keterangan-keterangan Tuhan kepada mereka, mensucikan mereka dan mengajarkan kitab dan kebijaksanaan kepada mereka, biarpun mereka sebelum itu dalam kesesatan yang nyata".¹⁰*

Mereka mempunyai ciri-ciri tertentu, iaitu kritis mendengarkan fikiran orang lain; "Iaitu orang-orang yang mendengarkan kata dan diturutinya mana yang paling baik. Itulah orang-orang dipimpin Allāh Subhānahū Wata`ālā dan itulah orang-orang yang berakal".¹¹ Juga mereka itu sanggup mengambil pelajaran dari kisah-kisah orang dahulu; *"Sesungguhnya dalam cerita-cerita mereka itu, pengajaran untuk orang-orang yang berakal. Al-Qur`ān itu bukanlah hal yang dibuat-buat, melainkan membenarkan apa yang telah terdahulu daripadanya Allāh Subhānahū Wata`ālā memberikan pimpinan dan rahmat untuk kaum yang beriman".¹²*

Para ahli fikir itu sentiasa bersungguh-sungguh mencari ilmu pengetahuan;

"Wahai orang-orang yang beriman! Apabila dikatakan kepada kamu, lapangkanlah tempat di dalam persidangan, maka lapangkanlah, nanti Allāh Subhānahū Wata`ālā akan memberikan kelapangan kepada kamu. Dan apabila dikatakan berdirilah kamu, hendaklah kamu berdiri. Allāh Subhānahū Wata`ālā akan mengangkat orang-orang yang beriman di antara kamu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa darjat. Dan Allāh Subhānahū Wata`ālā itu Maha Tahu betul apa yang kamu kerjakan".¹³

Para ahli fikir itu sentiasa mengambil pelajaran daripada tanda-tanda ayat Allāh Subhānahū Wata`ālā; "Inilah kitab yang kami turunkan kepada engkau, penuh keberkatan supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya orang-orang yang berakal dapat mengerti".¹⁴

Cara berfikir demikian sentiasa bertolak daripada wahyu, dengan keyakinan dan kekuasaan terhadap Allāh Subhānahū Wata`ālā, lantas berusaha mengumpulkan fakta pembuktian dan berakhir dengan keyakinan. Daripada penerapan ilmu pengetahuan hasil usaha para pemikir dan kebolehan "pemikiran" itu mengambil tempat yang sewajarnya, maka kedudukan manusia dalam masalah ini semakin penting.

Jadi konsep penerapan pemikiran di dalam suatu masyarakat yang maju sangatlah mustahak dan penting, oleh kerana pemikiran yang cemerlang akan membuahkan suatu hasil yang betul-betul akan memberi manfaat terhadap kehidupan manusia, dan hasil teknologi sebagai contoh dari daya pemikiran yang canggih merupakan bukti yang jelas tentang pentingnya pemikiran di dalam kehidupan ini.

"Adakah kamu merasa aman terhadap siapa yang ada di langit, bahawa kamu akan ditenggelamkannya ke dalam bumi, ketika dia berguncang dengan kerasnya?".¹⁵

⁸Al-Qur'an; Ali `Imran: 192.

⁹Ali Syariati menamakan *`Ulul_al-Bab* atau pemikir sebagai *Rausyan fikr*, `Ali Syariati, *Tugas Intelektual Muslim*, Pustaka Salman, Bandung, Indonesia *Rausyan Fikr* 1982, hlm. 7.

¹⁰Al-Qur'an; Ali `Imran: 164.

¹¹Al-Qur'an; Azzumar: 18.

¹²Al-Qur'an; Ar-Ra`d: 111.

"Dialah Tuhan yang mengadakan apa yang di bumi seluruhnya untuk kamu, kemudian dia

¹³Al-Qur'an; al-Mujadalah: 11.

¹⁴Al-Qur'an; Sad: 29.

¹⁵ Al-Qur'an, *Al-Mulk* : 16.

menyamakan langit, maka dibuatnya tujuh langit dan dia Maha tahu atas segala sesuatu".¹⁶

Di dalam pengembangan "pemikiran" melalui cara-cara yang sesuai dengan prinsip ilmu pengetahuan menurut Imām Al-Ghazālī adalah seperti berikut:¹⁷

1. Memikir dan merenung ayat-ayat dan tanda-tanda kekuasaan Allāh Subhānahū Wata'ālā.
2. Melakukan penerapan pancaindera.
3. Pengumpulan dan perbandingan data.
4. Penilaian, perhitungan dan perkiraan setiap hasil kerja kita.
5. Mengambil *qiyās* atau analogi antara peristiwa yang ada.
6. Mengambil kesimpulan yang logik.

Menurut Imām Al-Ghazālī, *Al-Qur'ān adalah sumber fikiran, disebabkan Al-Qur'ān adalah kitab wahyu daripada Allāh Subhānahū Wata'ālā. Ia memiliki kandungan yang istimewa, isi kandungannya adalah sebagai petunjuk bagi manusia.*¹⁸ Imām Al-Ghazālī mengatakan bahawa, "Jika seseorang ingin memiliki ilmu pengetahuan masa lampau dan pengetahuan moden, selayaknya ia merenungkan Al-Qur'an, kerana Al-Qur'ān sendiri adalah sumber fikiran".¹⁹

Bahkan menurutnya lagi seluruh ilmu tercakup di dalam karya-karya dan sifat-sifat Allāh Subhānahū Wata'ālā dan Al-Qur'ān adalah penjelasan esensi fikiran daripada sifat-sifat Allāh dan perbuatannya.²⁰ Di dalam karyanya yang lain, beliau menyebutkan, "Al-Qur'ān adalah laksana lautan yang luas, dan sekiranya lautan itu menjadi tinta sesungguhnya lautan itu akan habis sebelum kata-kata (kalam Allāh Subhānahū Wata'ālā), berakhir".²¹ "Maka renungkanlah isi kandungan Al-Qur'ān itu dan carilah

¹⁶ Al-Qur'an, *Al-Baqarah* : 29.

16- Sulaiman, Fathiyah Hasan.1993. *Aliran-Aliran Dalam Pendidikan Studi Tentang Aliran Pendidikan Menurut Al-Ghazālī*. Semarang: Dina Utama, cetakan 1. P: 28-29

¹⁸Imam Al-Ghazālī, *Ihya`Ulumu`al-Din*, Maktabah al-Jamī'ah al-Islamiyyah, Makkah al-Mukarramah, 1978, hlm. 175.

¹⁹*Ibid.*, hlm. 180.

²⁰*Ibid.*

²¹*Ibid.*

keagungan makna-maknanya, sehingga memungkinkan kamu meraih pertemuan antara ilmu-ilmu klasik dan ilmu-ilmu moden".²²

Al-Suyūti (w. 911/1505) juga mempunyai pandangan yang sama, menerusi pendapatnya bahawa Al-Qur'ān adalah sumber pemikiran sebagaimana ia sebagai sumber ilmu pengetahuan.²³ "Dan telah kami wahyukan kitab (Al-Qur'ān) kepadamu untuk menerangkan segala sesuatu dengan jelas".²⁴ "Kami tidak melalaikan sesuatupun di dalam kitab ini".²⁵ Lebih lanjut al-Suyūti mengatakan bahawa, "Kitab Al-Qur'ān mengandungi segala sesuatu, tidak ada bahagian atau perkara dasar suatu ilmupun yang tidak ditunjukkan di dalam Al-Qur'ān".²⁶

Menurut `Abd al-Rahmān al-Kawākibī (w. 1902), "pada abad-abad sekarang, sains telah mengungkapkan berbagai-bagai fakta dan ini semua dinisbahkan kepada para penemunya iaitu orang-orang Barat, menelaah isi kandungan Al-Qur'ān akan menemukan kebanyakan fakta tersebut itu".²⁷ Mustafā Šādiq al-Rāfi'i mengatakan, "Di dalam Al-Qur'ān seseorang mungkin dapat menemukan banyak petunjuk mengenai fakta-fakta keilmuan, dan memikirkan isi alam sains ini akan membantu kita untuk memahami isi kandungan Al-Qur'ān itu".²⁸

Syaikh Muhammad Bākhīt mengatakan, mereka yang berfikir bahawa Al-Qur'ān adalah sumber pemikiran Islam, sebenarnya mereka telah berada di dalam kebenaran.²⁹ Perlu disebutkan bahawa motif para ulama terdahulu memandang Al-Qur'ān sebagai sumber pemikiran, kerana menurut mereka, Al-

²²Imam Al-Ghazālī, op. cit., hlm. 180. Juga lihat Muhammad Baqir, *Bihar al-Anwar*, Jilid 1, tahun 1979, hlm. 164.

²³Al-Imam Jalaluddin al-Suyuti, op. cit., Jilid II, hlm. 657.

²⁴*Al-Nahl*,_89.

²⁵*Al-An'am*,_38.

²⁶Al-Imam Jalaluddin Al-Suyuti, op. cit., hlm. 657; juga *Al-Kawakibi, Al-Istibdad*, Cetakan Dar al-Syuruq, tahun 1373, hlm. 420.

²⁷*Ibid.*, hlm. 657.

²⁸Abu Hamdi al-Ghazzālī, *Fatwa*, Jilid 1, hlm. 283.

²⁹Muhammad Bakhīt, *Tanbih al-Uqul al-Insani*, Maktabah ar-Rabi'i, Cairo, hlm. 9-10. Juga, Imam al-Ghazzālī, *Ihya`Ulum al-Din*, Maktabah al-Nahdhah al-Hadithah, Makkah, tahun 1404, hlm. 312-313.

Qur'an sangat komprehensif dengan perkara-perkara yang dihadapi umat manusia sekarang. Ulama sekarang, di samping meyakini hal ini, lebih menekankan pembuktian akan keajaiban Al-Qur'an dalam bidang keilmuan, sebab itu mereka mencuba untuk menyesuaikan Al-Qur'an dengan penemuan-penemuan moden.³⁰ Sebahagian daripada mereka berpendapat bahawa tidak ada penemuan baru yang tidak disebutkan oleh Al-Qur'an, misalnya al-Tantāwī dalam Tafsirnya mencuba untuk menemukan satu klasifikasi tentang fikiran dan penemuan ilmu pengetahuan moden dalam konteks pandangan Al-Qur'an. Beliau mengakui bahawa Al-Qur'an adalah sumber fikiran sebagaimana adalah sumber ilmu pengetahuan.³¹

Oleh itu, ketika kita membuktikan kepada orang-orang bukan Arab bahawa Al-Qur'an itu mengandungi prinsip-prinsip penemuan moden dan telah membicarakan setiap fenomena keilmuan baru. Sesungguhnya sangat ajaib isi kandungan Al-Qur'an.³² "Bahkan Al-Qur'an jauh daripada sifat kontradiksi dengan ilmu pengetahuan moden".³³ Kard de Vu mengatakan, Al-Qur'an bukanlah karya falsafah dan Muhammad bukanlah seorang ahli falsafah, tetapi Al-Qur'an adalah sumber pemikiran yang dapat menyelesaikan seluruh perkara kehidupan.³⁴

Dari pernyataan orientalis di atas dapat difahami bahawa Al-Qur'an bukan setakat kitab bacaan tanpa merealisasi kandungannya, tetapi lebih jauh dari itu, Al-Qur'an adalah kitab untuk berfikir. Ini terbukti di dalam menyelesaikan perkara-perkara falsafah Islam yang sentiasa menyuruh agar menggunakan fikiran serta merenungi ciptaan Allāh Subhānahu Wata'ālā. "Apakah mereka mempunyai kaki yang dengannya mereka dapat berjalan, atau mempunyai tangan yang dengannya mereka dapat memegang, atau mempunyai mata yang dengannya mereka dapat

melihat, atau mempunyai telinga yang dengannya mereka dapat mendengar? Katakanlah, (panggilah sekutu-sekutumu, kemudian lakukanlah tipu daya terhadapku, maka janganlah aku diberi tanggung)".³⁵

Al-Fārābī mengatakan, "Sesungguhnya ahli falsafah yang memiliki sifat kesempurnaan adalah yang mampu menggunakan hasil fikirannya di dalam kehidupan".³⁶ Bahkan menurutnya lagi, agama dan fikiran tidak bertentangan kerana kedua-duanya benar, dan kebenaran tidak bertentangan dengan kebenaran".³⁷

Para failasuf bersependapat tentang Al-Qur'an sebagai sumber pemikiran di dalam Islam. Bagaimanapun menurut `Abd al-Rahmān Walī Shah, "tidak semua kategori ilmu dapat dimasukkan ke dalam satu sumber, kerana ilmu Tasawwuf umpamanya tidak dapat dimasukkan ke dalam kategori ilmu falsafah".³⁸ Berbeza dengan pendapat di atas, Al-`Aqqād berpendapat bahawa, "sumber pemikiran Islam adalah Al-Qur'an dan ia adalah salah satu rujukan para failasuf, tetapi di dalam aspek ilmu Tasawwuf, sebahagian besar ulama berpendapat bahawa Tasawwuf sebahagian daripada ilmu falsafah".³⁹

Pengertian Pendidikan Menurut Imām Al-Ghazālī

Imām Al-Ghazālī telah merumuskan pengertian pendidikan secara jelas. Berdasarkan unsur pembentuk pengertian pendidikan yang diungkapkan dapat dirumuskan pengertian pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī. Adapun unsur-unsur pembentuk pengertian pendidikan dari Imām Al-Ghazālī dalam pernyataan berikut ini:

³⁰Abu Hamid Muhammad al-Ghazzālī, *Maqashidul Falasifah*, Dar al-Ma'arif, Cairo, tahun 1961, hlm. 129.

³¹Mahdi Ghulsyani, *Falsafah Sains Menurut al-Qur'an*, diterjemahkan dari buku aslinya: *The Holy Qur'an And The Sciences of Nature*, oleh Agus Effendi, Pustaka Mizan, Bandung, tahun 1949, hlm. 140.

³²Abd al-Razaq Naufa, *Al-Qur'an wa al-`Ilm Hadith*, Maktab al-`Arabi, Cairo, tahun 1978, hlm. 26.

³³Maurice Bucaille, *The Bible, The Qur'an and Science*, diterjemahkan dari Bahasa Perancis oleh Alastair D. Pannell, Academic Art Printing, Kuala Lumpur, tahun 1989, hlm. 5.

³⁴Mahdi Ghulsyani, op. cit., hlm. 148.

³⁵Al-`Araf, 195.

³⁶Al-Farabi, *Tahsil as-Sa'adah*, Maktabah Tijariyyah, Cairo, tahun 1948, hlm. 34.

³⁷Ibid.

³⁸Abd al-Rahman Wali Shah, *Al-Kindi wa Arauhu al-Falsafiyah*, Majma' al-Bu'uth al-Islamiyyah, Cairo, tahun 1976, hlm. 31.

³⁹Al-`Aqqād menuliskan pendapat ulama-ulama yang tidak sependapat dengan ideanya - Tasawwuf bukan bahagian dari ilmu falsafah. Sebagai contoh, sebahagian ulama berpendapat bahawa ilmu Tasawwuf tidak boleh dimasukkan ke dalam ilmu falsafah, ini disebabkan kerana ilmu Tasawwuf membahas yang halus-halus iaitu masalah budi dan hubungan kita dengan Yang Maha halus, sedangkan falsafah berbicara tentang fikiran yang kadangkala tidak boleh dikendalikan bagi yang bersangkutan.

“Sesungguhnya hasil ilmu itu ialah mendekatkan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā, Tuhan semesta alam, menghubungkan diri dengan ketinggian malaikat dan berkemampuan dengan malaikat tinggi.”⁴⁰ Dan ini, sesungguhnya adalah dengan ilmu yang berkembang melalui pelajaran dan bukan ilmu yang beku yang tidak berkembang.

Jika kita perhatikan, pada kutipan yang pertama, kata “hasil” menunjukkan proses, kata “mendekatkan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā” menunjukkan tujuan dan kata “ilmu” menunjukkan alat, sedangkan pada kutipan kedua merupakan penjelasan mengenai ilmu, yakni disampaikan dalam bentuk pengajaran.

Mengenai proses pendidikan, bila dimulai dan bila berakhirnya, Imām Al-Ghazālī mengemukakan bahawa batas awal berlangsungnya proses pendidikan adalah sejak bersatunya sperma dan ovum sebagai awal kejadian manusia. Mengenai batas akhir pendidikan, Imām Al-Ghazālī mengutip sebuah pernyataan Abū Dardā sebagai berikut:

“Orang yang berilmu dan orang yang menuntut ilmu itu adalah dua sekutu yang berserikat pada kebaikan dan manusia yang lainnya adalah bodoh. Hendaklah engkau menjadi orang yang berilmu atau belajar atau mendengar, dan jangan engkau menjadi orang yang keempat (tidak salah seorang dari yang tiga tadi), maka binasalah engkau.”⁴¹

Anjuran Abū Dardā’ dalam pernyataan diatas adalah. Manusia harus berilmu dengan mengajarkan ilmunya selama hidup manusia dituntut untuk melibatkan diri dalam pendidikan sehingga mejadi *insān kāmil*.

Dari huraian diatas, maka dapat dirumuskan pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī adalah “Proses memanusikan manusia sejak masa kejadiannya sampai akhir hayatnya melalui berbagai ilmu

pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran secara bertahap, dimana proses pengajaran itu menjadi tanggung jawab orang tua dan masyarakat menuju pendekatan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā sehingga menjadi manusia sempurna (*insān kāmil*).

Tujuan Pendidikan Menurut Imām Al-Ghazālī

Menurut Imām Al-Ghazālī, pendidikan dalam prosesnya haruslah mengarah kepada pendekatan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā dan kesempurnaan insan, mengarahkan manusia untuk mencapai tujuan hidupnya iaitu bahagia dunia dan akhirat. Menghampirkan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā merupakan tujuan pendidikan. Orang dapat mendekatkan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā hanya setelah memperoleh ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan itu sendiri tidak akan dapat diperoleh manusia kecuali melalui pengajaran. Dapat difahami bahawa menurut Imām Al-Ghazālī tujuan pendidikan dapat dibahagi menjadi dua⁴²:

1. Tujuan jangka panjang

Tujuan pendidikan jangka panjang ialah pendekatan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā. Pendidikan dalam prosesnya harus mengarahkan manusia menuju pengenalan dan kemudian pendekatan diri kepada tuhan pencipta alam. Semakin lama seseorang duduk dibangku pendidikan, semakin bertambah ilmu pengetahuannya, maka semakin mendekat kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā.

Imām Al-Ghazālī berkata: “hasil dari ilmu sesungguhnya adalah mendekatkan diri kepada Allāh Subhānahū Wata’ālā, Tuhan semesta alam, dan menghubungkan diri dengan malaikat yang tinggi dan bergaul dengan alam arwah, itu semua adalah kebesaran, pengaruh, pemerintahan bagi raja-raja dan penghormatan secara naluri.”⁴³

2. Tujuan jangka pendek

Menurut Imām Al-Ghazālī tujuan pendidikan jangka pendek adalah diraihnya profesi manusia sesuai bakat dan kemampuannya. Syarat untuk mencapai tujuan itu, manusia mengembangkan ilmu

⁴⁰ MacDonald Duncan B. 1999. *The Life of al-Ghazzālī, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions*. Journal of the American Oriental Society. 71 :20 .. H132-

⁴¹Op-cit. Juga, MacDonald Duncan B. 1999. *The Life of al-Ghazzālī, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions*. Journal of the American Oriental Society. 20 .

⁴² MacDonald Duncan B. 1999. *The Life of al-Ghazzālī, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions*. Journal of the American Oriental Society. HAL:71-72

⁴³Rusn, Abidin Ibnu. 1998. *Pemikiran Al Ghazali Tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. Hal: 123

pengetahuannya, baik yang termasuk *fardhu'ain* maupun *fardhu kifayah*. Dengan menguasai ilmu *fardhu kifayah* dan selanjutnya menguasai profesi tertentu, manusia dapat melaksanakan tugas-tugas keduniaan, dapat bekerja dengan sebaik-baiknya. Dapat dirumuskan bahwa tujuan pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī adalah sebagai berikut:

1. Mendekatkan diri kepada Allāh Subhānahū Wata'ālā, yang wujudnya adalah kemampuan dan dengan kesadaran diri melaksanakan ibadah wajib dan sunah.
2. Menggali dan mengembangkan potensi manusia.
3. Mewujudkan profesionalisasi manusia untuk mengemban tugas keduniaan dengan sebaik-baiknya.
4. Membentuk manusia yang berakhlak mulia, suci jiwanya dari kerendahan budi dan sifat tercela.
5. Mengembangkan sifat manusia yang utama sehingga menjadi manusia yang manusiawi⁴⁴.

Kurikulum Pendidikan Menurut Imām Al-Ghazālī

Mengenai kurikulum pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī ada dua hal yang menarik bagi kita.

Pertama, pengklarifikasiannya terhadap ilmu pengetahuan yang sangat terperinci dan segala aspek yang terkait dengannya. Sebagaimana dapat kita lihat skema dibawah ini.

Kedua, Imām Al-Ghazālī mendasarkan pemikirannya bahwa kurikulum pendidikan harus disusun dan selanjutnya disampaikan kepada murid sesuai dengan pertumbuhan dan perkembangan fisiknya. Artinya, penjelasan harus disampaikan secara bertahap dengan memperhatikan teori, hukum, dan periodisasi perkembangan anak. Pentahapan dalam kurikulum yang dirumuskan Imām Al-Ghazālī ini sesuai dengan proses pendidikan anak yang diajarkan Rasulullah secara didaktis, penjabarannya sebagai berikut⁴⁵:

1. Umur 00-06 tahun, adalah masa asuhan orang tua. Sederhana mungkin anak dijaga dari segala yang mengotori jasmani dan ruhaninya, antara lain disembelihkan akikah dan diberi nama yang baik. Pendidikan pada umur ini bersifat informal, anak dibiasakan agar melakukan amalan-amalan yang baik berupa perkataan dan perbuatan yang terpuji dengan memberikan contoh-contoh praktis atau teladan. Dengan kata

lain, Umur ini adalah masa pendidikan secara pembiasaan.

2. Umur 06-09 tahun, adalah masa dimulainya pendidikan anak secara formal. Pada masa ini anak telah mampu menerima pengertian dari apa yang telah dibiasakan, anak juga mampu menerima ganjaran dan hukuman, tetapi kesan keduanya berbeza.
3. Umur 09-13 tahun, adalah masa pendidikan kesusilaan dan latihan kemandirian. Sebagai kelanjutan dari pembiasaan terhadap yang baik dan pemberian pengertian tentang apa yang dibiasakan, anak pada umur ini telah mampu membezakan antara yang baik dan yang buruk.
4. Umur 13-16 tahun, adalah masa evaluasi terhadap pendidikan yang telah berjalan sejak pembiasaan, dimulainya formal, pendidikan kesusilaan dan pendidikan kemandirian. Jika ditemukan kekurangan-kekurangan dalam mendidik anak, maka untuk membentuk pribadi yang mandiri dan bertanggung jawab atas segala perbuatan yang dilakukan, anak perlu diberi sanksi, misalnya ketika meninggalkan solat.
5. Umur 16 tahun dan seterusnya, adalah pendidikan kedewasaan. Menurut Islam, anak umur ini dianggap dewasa dan segala yang dilakukan sudah mempunyai nilai tersendiri dihadapan Allāh Subhānahū Wata'ālā.

Jika kita perhatikan apa yang dihuraikan Imām Al-Ghazālī mengenai kurikulum pendidikan, maka sebenarnya Islamlah yang memelopori pembahasan mengenai tahap yang berbeza dalam pertumbuhan dan perkembangan anak serta hak dan hajat dalam setiap tahapan atau tingkatan kehidupan⁴⁶.

Metode Pendidikan Menurut Imām Al-Ghazālī

Setelah menghuraikan tingkatan pendidikan, maka kemudian Imām Al-Ghazālī menciptakan pemikirannya tentang metode khusus yang mana beliau lebih menitik beratkan pada pendidikan agama dan akhlak.

- a. Metode khusus pendidikan agama

Metodik pendidikan agama menurut Imām Al-Ghazālī, pada prinsipnya dimulai dengan hafalan dan

⁴⁴ MacDonald Duncan B. 1999. *The Life of al-Ghazzālī, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions*. Journal of the American Oriental Society. Hal:71-72

⁴⁵ Op cit, hal: 125

⁴⁶ Houran, George F. 1984. *A revised chronology of al-Ghazali's works*. (PDF). Journal of the American Oriental Society. 104 (2): 289-302.

pemahaman, kemudian dilanjutkan dengan keyakinan dan pembenaran, setelah itu penegakan dalil-dalil dan keterangan yang menunjang penguatan akidah. Yang demikian ini merupakan pantulan dari sikap hidupnya yang *sūfi* dan tekun beribadah. Dari pengalaman pribadinya, Imām Al-Ghazālī menemukan cara untuk mencegah manusia dari keraguan terhadap persoalan agama ialah adanya keimanan terhadap Allāh Subhānahu Wata'ālā, menerima dengan jiwa yang jernih dan akidah yang pasti pada umur sedini mungkin. Kemudian mengkokohkan dengan argumentasi yang didasarkan atas pengkajian dan penafsiran Al-Qur'ān dan hadith-hadith secara mendalam disertai dengan tekun beribadah, bukan melalui ilmu kalam atau lainnya yang bersumber pada akal.

b. Metode khusus pendidikan akhlak

Huraian Imām Al-Ghazālī tentang metodik praktis dan metodik khusus membentuk akhlak mulia menunjukkan bahawa untuk mengadakan perubahan akhlak tercela anak adalah menyuruhnya melakukan perbuatan yang sebaliknya. Hal ini dapat dimengerti kerana penyakit badan, maka ubatnya adalah membuang penyakit itu.

Evaluasi Pendidikan Menurut Imām Al-Ghazālī

Menurut Imām Al-Ghazālī, evaluasi pendidikan bererti usaha memikirkan, membandingkan, memprediksi (memperkirakannya), menimbang, mengukur, dan menghitung segala aktifitas yang telah berlangsung dalam proses pendidikan, untuk meningkatkan usaha dan kreativitinya sehingga dapat seefektif dan seefisien mungkin dalam mencapai tujuan yang lebih baik diwaktu yang akan datang. Adapun subjek evaluasi pendidikan adalah orang yang terikat dalam proses kependidikan meliputi: pemimpin, sukatan pembelajaran, ibu bapak, dan seluruh tenaga pentadbiran. Dan yang menjadi evaluasi pendidikan adalah semua bentuk aktiviti yang terkait dengan tugas tanggung jawabnya masing-masing dalam proses pendidikan.⁴⁷

Tujuan evaluasi pendidikan ialah mengawasi efektifiti dan efisiensi usaha dan sarana, mengetahui segi-segi yang mendukung dan menghambat jalannya proses pendidikan menuju tujuan. Segi-segi yang menghambat diperbaiki atau diganti dengan usaha atau sarana lain yang lebih menguntungkan. Imām

Al-Ghazālī termasuk ke dalam kelompok sufistik yang banyak menaruh perhatian yang besar terhadap pendidikan, kerana pendidikanlah yang banyak menentukan corak kehidupan suatu bangsa dan pemikirannya. Dalam masalah pendidikan Imām Al-Ghazālī lebih cenderung berfaham empirisme. Hal ini antara lain disebabkan kerana ia sangat menekankan pengaruh pendidikan terhadap anak didik. Menurutnyanya "seorang anak tergantung kepada orang tua dan anaknya yang mendidiknya. Hati seorang anak itu bersih, murni, laksana permata yang amat berharga, sederhana dan bersih dari gambaran apapun". Hal ini sejalan dengan pesan Rasūlullāh SAW yang menegaskan: "*bahawa setiap anak yang dilahirkan dalam keadaan bersih, kedua orang tuanya lah yang menyebabkan anak itu menjadi penganut Yahudi, Nasrani atau Majusi* (H.R. Muslim).

Imām Al-Ghazālī mengatakan jika anak menerima ajaran dan kebiasaan hidup yang baik, maka anak itu menjadi baik. Sebaliknya jika anak itu dibiasakan melakukan perbuatan buruk dan dibiasakan kepada hal-hal yang jahat, maka anak itu akan berakhlak buruk. Pentingnya pendidikan ini di dasarkan pada pengalaman hidup Imām Al-Ghazālī sendiri, iaitu sebagai orang yang tumbuh menjai ulama besar yang menguasai berbagai ilmu pengetahuan, yang disebabkan kerana pendidikan.

Tujuan pendidikan

Imām Al-Ghazālī memiliki pandangan berbeda dengan kebanyakan ahli falsafah pendidikan Islam mengenai tujuan pendidikan. Beliau menekankan tugas pendidikan adalah mengarah kepada realisasi tujuan keagamaan dan akhlak, dimana fadhilah (keutamaan) dan taqarrub kepada Allāh merupakan tujuan yang paling penting dalam pendidikan. Sesuai penegasan beliau "Manakala seorang ayah menjaga anaknya dari siksaan dunia hendaknya ia menjaganya dari siksaan api neraka / akhirat, dengan cara mendidik dan melatihnya serta mengajarnya dengan keutamaan akhirat, kerana akhlak yang baik merupakan sifat Rasūlullāh SAW dan sebaik-baik amal perbuatan orang-orang yang jujur, terpercaya, dan merupakan realisasi dari pada buahnya ketekunan orang yang dekat kepada Allāh." Selanjutnya beliau mengatakan: "wajiblah bagi seorang guru untuk mengarahkan murid kepada tujuan mempelajari ilmu, yaitu taqarrub kepada Allāh bukannya mengarah kepada pimpinan dan kemegahan" Sebab-sebab yang mendorong Imām Al-Ghazālī sangat memperhatikan tujuan keagamaan ialah kerana pada waktu kerusakan akhlak orang banyak telah merajalela (yang ditimbulkan oleh

⁴⁷Al-Ghazālī, Abu Hamid. 1960. *Maqasid al-Falasifah*. Sulaiman Dunya (ed). 2nd Ed. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif. Hal: 234

gerakan yang merusak) agama seperti gerakan yang dipimpin oleh Al-Hasan bin Shabah. Imām Al-Ghazālī telah menjelaskan tentang tujuan sistem pendidikan dengan menerangkan tentang berbagai ilmu yang wajib dipelajari oleh murid, yang sesuai dengan kurikulum pengajaran masa kini dan juga mungkin metode-metode mengajar yang harus diikuti oleh guru dalam mendidik anak dan dalam menyajikan ilmu pengetahuan kepada murid sehingga menarik minat dan perhatian mereka serta sesuai dengan kecenderungan mereka. Tujuan pendidikan Islam dapat diklasifikasikan kepada tiga, yaitu⁴⁸: (1) tujuan mempelajari ilmu pengetahuan semata-mata untuk ilmu pengetahuan itu sendiri sebagai wujud ibadah kepada Allāh, (2) tujuan utama pendidikan Islam adalah pembentukan akhlaq karimah, (3) tujuan pendidikan Islam. Islam adalah mengantarkan pada peserta didik mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Tujuan pendidikan (jangka pendek) menurut Imām Al-Ghazālī ialah diraihnya profesi manusia sesuai dengan bakat dan kemampuannya. Syarat untuk mencapai tujuan itu, Umur harus memanfaatkan dan mengembangkan ilmu pengetahuan sesuai dengan bakat yang dimilikinya.⁴⁹

Berhubungan dengan jangka pendek, yaitu terwujudnya kemampuan manusia untuk melaksanakan tugas-tugas keduniaan dengan baik, Imām Al-Ghazālī menyinggung masalah pangkat, kedudukan, kemegahan, populariti, dan kemuliaan dunia secara naluri. Semua itu bukan menjadi tujuan dasar seseorang yang melibatkan diri dalam dunia pendidikan. Adapun tujuan pendidikan (jangka panjang), menurut Al-Ghazālī adalah untuk mendekatkan diri kepada Allāh SWT bukan untuk mencari kedudukan, kemegahan, kegagahan, atau mendapatkan kedudukan yang menghasilkan uang. Jika tujuan pendidikan bukan diarahkan untuk mendekatkan diri kepada Allāh, akan dapat menimbulkan kedengkian, kebencian dan permusuhan.⁵⁰

⁴⁸ Justin Parrott (2017) *Al-Ghazali and the Golden Rule: Ethics of Reciprocity in the Works of a Muslim Sage*, *Journal of Religious & Theological Information*, 16:2, 68-78, DOI: 10.1080/10477845.2017.1281067

⁴⁹ Justin Parrott (2017) *Al-Ghazali and the Golden Rule: Ethics of Reciprocity in the Works of a Muslim Sage*, *Journal of Religious & Theological Information*, 16:2, 68-78, DOI: 10.1080/10477845.2017.1281067

⁵⁰ Al-Ghazālī, *Mihak al-Nazar*. Rafiq al-Najam (ed). Beirut: Dar al-Fikr al-Lubnani. Hal: 129

Pendidik

Sejalan pentingnya pendidikan mencapai tujuan sebagaimana yang telah disebutkan, Imām Al-Ghazālī juga menjelaskan tentang ciri-ciri pendidik yang boleh melaksanakan pendidikan. Ciri-ciri tersebut adalah:⁵¹

- a. Guru harus mencintai muridnya seperti mencintai anak kandungnya sendiri
- b. Guru jangan mengharapkan materi (upah) sebagai tujuan utama dari pekerjaannya (mengajar), karena mengajar adalah tugas yang diwariskan oleh Nabi Muhammad SAW. Sedangkan upahnya adalah terletak pada terbentuknya anak didik yang mengamalkan ilmu yang diajarkannya.
- c. Guru harus mengingatkan muridnya agar tujuannya dalam menuntut ilmu bukan untuk kebanggaan diri atau mencari keuntungan pribadi, tetapi untuk mendekatkan diri kepada Allāh
- d. Guru harus mendorong muridnya agar mencari ilmu yang bermanfaat, yaitu ilmu yang membawa pada kebahagiaan dunia dan akhirat
- e. Di hadapan penuntutnya, guru harus memberikan contoh yang baik, seperti berjiwa halus, sopan, lapang dada, murah hati dan berakhlak terpuji lainnya.
- f. Guru harus mengajarkan pelajaran yang sesuai dengan tingkat intelektual dan daya tangkap anak didiknya.
- g. Guru harus mengamalkan yang diajarkannya, kerana ia menjadi idola dimata anak didiknya
- h. Guru harus memahami minat, bakat, dan jiwa anak didiknya, sehingga disamping tidak akan salah dalam mendidik, juga akan terjalin hubungan yang akrab dan baik antara guru dan anak didiknya
- i. Guru harus dapat menanamkan keimanan ke dalam pribadi anak didiknya, sehingga akal fikiran anak didik tersebut akan dijiwai keimanan itu.

⁵¹ Rusn, Abidin Ibnu. 1998. *Pemikiran Al Ghazali Tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. Hal:29-31

Penuntut

Murid atau anak didik yang mengikuti pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī harus memenuhi kriteria sebagai berikut:⁵²

- a. Memuliakan guru dan bersikap rendah hati atau tidak takabbur
- b. Merasa satu bangunan dengan murid lainnya sehingga merupakan satu bangunan yang saling menyayangi, menolong dan saling kasih sayang
- c. Menjauhkan diri dari mempelajari berbagai mazhab yang dapat menimbulkan kekacauan dalam pikiran
- d) Tidak hanya mempelajari satu jenis ilmu yang bermanfaat saja, melainkan berbagai ilmu dengan berupaya sungguh-sungguh guna mencapainya.

Sukatan pelajaran

Secara tradisional kurikulum berarti mata pelajaran yang diberikan kepada anak didik untuk menanamkan sejumlah pengetahuan agar mampu beradaptasi dengan lingkungannya. Sukatan pelajaran tersebut disusun agar dapat mencapai tujuan yang telah ditentukan.

Pandangan Imām Al-Ghazālī tentang kurikulum dapat dipahami dari pandangannya mengenai ilmu pengetahuan. Ia membahagi ilmu pengetahuan kepada yang terlarang dan yang wajib dipelajari oleh anak didik menjadi tiga kelompok yaitu:

- a. Ilmu yang tercela, banyak atau sedikit. Ilmu ini tidak ada manfaatnya bagi manusia di dunia dan di akhirat, misalnya ilmu sihir, nujum dan ilmu perdukunan. Bila ilmu ini dipelajari akan membawa mudarat dan akan meragukan terhadap kebenaran adanya tuhan. Oleh karena itu ilmu ini harus di jauhi.
- b. Ilmu yang terpuji, banyak atau sedikit. Misalnya ilmu tauhid dan ilmu agama. Ilmu ini bila dipelajari akan membawa seseorang kepada jiwa yang suci, bersih dari kerendahan dan keburukan serta dapat mendekatkan diri kepada Allāh.
- c. Ilmu yang terpuji pada taraf tertentu, yang tidak boleh diperdalam, karena ilmu ini dapat membawa kegoncangan iman dan *ilhad* (meniadakan Tuhan) seperti falsafat.

Dari ketiga kelompok ilmu tersebut, Imām Al-Ghazālī membahagi lagi ilmu tersebut menjadi dua

kelompok, ilmu dilihat dari segi kepentingannya, yaitu:

- 1) Ilmu yang wajib yang diketahui oleh semua orang, yaitu ilmu agama, ilmu yang bersumber pada kitab Allāh.
- 2) Ilmu yang hokum mempelajarinya *fardhu kifayah*, yaitu ilmu yang digunakan untuk memudahkan urusan duniawi seperti ilmu hitung, ilmu perubatan, ilmu teknik, ilmu pertanian dan industri.⁵³

Metode pendidikan

Metode pendidikan diklasifikasikan Imām Al-Ghazālī menjadi dua bahagian:

Pertama, metode khusus pendidikan Agama, metode khusus pendidikan agama ini memiliki orientasi terhadap pengetahuan aqidah karena pendidikan agama pada realitinya lebih sukar dibandingkan dengan pendidikan lainnya, karena pendidikan agama menyangkut problematika intuitif dan lebih menitikberatkan kepada pembentukan personaliti peserta didik. Dengan demikian pendidikan akal yang sesuai pada diri peserta didik selama dalam proses pendidikan akan dapat dikendalikan, sehingga bukan hanya mementingkan akal, rasa, berfikir sebenar-benarnya tanpa dzikir. Tetapi peserta didik yang memiliki kepribadian yang kamil. Dengan demikian, agama bagi peserta didik menjadi pembimbing akal. Dari sinilah kemudian letak kesempurnaan hidup manusia dalam keseimbangan.

Kedua, metode khusus pendidikan Akhlak, Imām Al-Ghazālī mengungkapkan Sebagaimana doktor, jikalau memberikan pesalahnya dengan satu macam obat saja, niscaya akan membunuh kebanyakan orang sakit, begitupun guru, jikalau menunjukkan jalan kepada murid dengan satu macam saja dari latihan, niscaya membinasakan hati mereka. Akan tetapi selayaknyalah memperhatikan tentang penyakit penuntut, tentang keadaan umurnya, sifat tubuhnya dan latihan apa yang disanggupinya. Berdasarkan yang demikian itu, dibina latihan". Dan berikutnya jika guru melihat murid yang sombong, keras kepala dan congkak maka suruhlah ia ke pasar untuk meminta-minta. Sesungguhnya sifat bangga dirinya tidak akan hancur selain dengan sifat mandiri. Dari keterangan tersebut, Imām Al-Ghazālī menegaskan bahawa untuk membuat diagnosis dan melakukan perbaikan akhlak tercela anak adalah dengan menyuruhnya melakukan perbuatan sebaliknya. Layaknya bila badan sakit ubatnya ialah

⁵² Al-Ghazālī, *Mihak al-Nazar*. Rafiq al-Najam (ed). Beirut: Dar al-Fikr al-Lubnani. Hal: 129-131

⁵³ Osman, Bakar. 1997. *Hierarki Ilmu Membangun rangka Pikir Islamisasi Ilmu*. Bandung: Mizan Hal: 34-35

dengan cara menurunkan panas atau obatnya ialah membuang penyakit itu.⁵⁴

Pendapat Imām Al-Ghazālī tentang Mendidik Anak

Imām Al-Ghazālī mengingkari teori heroditi (faktor keturunan), yang oleh pendidikan moden akhir-akhir ini banyak diperhatikan dan dipandang penting namun hal ini Imām Al-Ghazālī tidak setuju dalam menganalisa masalah ini. Pada hal ini nampak nampak jelas kepada kita bahawa ilmu jiwa moden dengan pandangan barunya menganggap penting tentang teori faktor keturunan ini, dan menetapkan sebagai suatu faktor yang berpengaruh. Sedangkan Imām Al-Ghazālī berpendapat lain, iaitu bahawa anak dilahirkan tanpa dipengaruhi oleh sifat-sifat seperti ini kecuali hanya sedikit sekali, kerana faktor pendidikan, lingkungan dan masyarakat merupakan faktor yang paling kuat mempengaruhi sifat-sifat anak. Pendapat beliau ini sejalan dengan pendapat para ahli psikologi yang mengingkari adanya pengaruh faktor keturunan. Sebenarnya Imām Al-Ghazālī dalam pendapat-pendapatnya yang mengaitkan dengan pengaruh faktor keturunan dan lingkungan itu telah mendahului para ahli ilmu jiwa dan pendidikan berabad-abad sebelumnya. Pendapat beliau ini diperkuat oleh kedalaman pengaruh agama yang beliau analisa mengenai pembentukan akhlak anak, atas dorongan keinginan beliau menjaga anak dari dampak lingkungan, maka beliau membuat program khusus untuk pendidikan anak.

Hadiah Dan Hukuman Menurut Pandangan Imām Al-Ghazālī.

Sebelum lebih jauh dalam membahas masalah hadiah dan hukuman, Imām Al-Ghazālī membagi alat pendidikan langsung menjadi dua komponen; alat pendidikan preventif dan alat pendidikan kuratif. Namun pembahasan tentang hadiah dan hukuman hanya kita batasi pada alat pendidikan kuratif⁵⁵.

⁵⁴Garidner W. H. T. 1914. *Al-Ghazali's Mishkat al-Anwar and the Ghazali Problem*. (PDF). Dar al-Islam. Hal: 28-30

⁵⁵ Kuratif ertinya pendidikan kepada anak-anak yang berkesan. Lihat, Watt. W. Montgomery.1952. *The Authenticity of the Works Attributed to al-Ghazālī*. (PDF). Journal of the Royal Asiatic Society. Doi :10.1017/S0035869X00105118. Juga, Zainuddin. 1991. *Seluk Beluk Pendidikan Al Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara. Hal: 67-69

Kerana keduanya termasuk dalam kategori alat pendidikan kuratif.

Dalam alat pendidikan langsung kuratif Imām Al-Ghazālī mengkalsifikasikannya lagi menjadi beberapa kategori sebagai berikut⁵⁶:

1. Peringatan.
2. Teguran.
3. Sindiran.
4. Ganjaran dan,
5. Hukuman.

Seperti yang telah dijelaskan pada subtema diatas, pembahasan hanya mengenai hadiah dan hukuman maka, yang akan kita kaji hanya pada alat pendidikan kuratif yang pada urutan keempat (ganjaran/hadiah) dan kelima (hukuman).

1. Ganjaran Atau Hadiah.

Ganjaran atau hadiah menjadi salah satu alat pendidikan yang diberikan kepada peserta didik sebagai imbalan atas prestasi atau tugas yang telah ia selesaikan dengan baik sehingga hasil yang diharapkan oleh pendidik tercapai.

Dalam hal ini Imām Al-Ghazālī menjelaskan sebagai berikut:

“kemudian sewaktu-waktu pada si anak telah nyata budi pekerti yang baik dan perbuatan yang terpuji maka seyoyanya ia dihargai, dibalas dengan sesuatu yang menggembirakan dan di puji di hadapan orang banyak (diberi hadiah)”. Dari keterangan diatas dapat difahami bahawa menurut Imām Al-Ghazālī ada tiga macam ganjaran yang di berikan kepada peserta didik, iaitu:

- a. Penghormatan (penghargaan), baik menggunakan kat-kata mahupun isyarat.

Adapun yang dimaksud dengan penghormatan melalui kata-kata, misalnya, ucapan baik, bagus sekali, pintar, dan kata-kata lain yang mengandung makna penghormatan. Selanjutnya, penghormatan dengan cara isyarat, dapat seperti, menganggukkan kepala, mengacungkan anak-anak jari, tepuk tangan, menepuk bahu dan lain-lain.

- b. Hadiah, iaitu ganjaran yang berupa pemberian sesuatu/ materi yang bertujuan untuk menggembirakan hati anak. Hadiah tidak perlu berupa barang yang mahal harganya yang

⁵⁶Sulaiman, Fathiyah Hasan.1993. *Aliran-Aliran Dalam Pendidikan Studi Tentang Aliran Pendidikan Menurut Al-Ghazālī*. Semarang: Dina Utama, cetakan 1. Hal:124-126

penting pantas saja. Sebaiknya hadiah jangan terlalu sering diberikan, dan hanya melihat kondisi yang pantas sahaja, misalnya pada anak yang orang tuanya kurang mampu tapi berprestasi.

c. Pujian di hadapan orang banyak.

Hadiah yang berupa pujian ini dapat diibarkan dihadapan teman-teman sekelas satu sekolahan ataupun di hadapan teman-teman dan orang tua/wali murid, seperti pada waktu penerimaan laporan prestasi atau kenaikan kelas. Pada dasarnya, secara ilmu pendidikan, ganjaran/hadiah ataupun beserta segala macamnya yang dibahas oleh Imām Al-Ghazālī tersebut, telah menjadi acuan dan anutan oleh pakar ahli pendidikan. Bahkan menurut istilah didaktik, hadiah sebagai “fungsi reinforcement” atau fungsi penguatan yang akan lebih mendorong peserta didik untuk lebih giat dan meningkatkan prestasi yang pernah ia capai.

2. Hukuman

Hukuman ialah suatu perbuatan sadar dan sengaja menjatuhkan nestapa pada orang lain dengan tujuan untuk memperbaiki atau melindungi dirinya sendiri dari kelemahan jasmani dan rohani, sehingga terhindar dari segala macam pelanggaran. Dalam hal ini Imām Al-Ghazālī tidak sependapat dengan orang tua dan pendidik yang dengan cepat-cepat sekaligus memberi hukuman terhadap anak-anak yang berlaku salah dan melanggar peraturan. Hukuman adalah hukuman yang paling aqir apabila teguran, peringatan, dan nasihat-nasihat belum bisa mencegah anak melakukan pelanggaran. Demikian itu harus melalui proses untuk memberi hukuman yang secara terinci dijelaskan oleh Imām Al-Ghazālī: “kalau anak itu satu kali menyimpang dari budi dan perbuatan baik tersebut dalam satu keadaan, maka sebaiknya orang tua pura-pura lupa dari hal itu dan tidak membuka rahasianya, tidak menjelaskan sianak bahawa tergambarlah keberanian orang lain untuk melakukan perbuatan seperti itu. Sianak itu sendiri akan menutup rahasia dirinya dengan sungguh-sungguh, sebab membuka rahasia yang demikian, mungkin menyebabkan ia berani (berbuat lagi) sampai ia tidak dipedulikan lagi biarprpun dibukakan rahasianya”⁵⁷. Pada tahap pertama, anak diberi kesempatan untuk memperbaiki sendiri

kesalahannya, sehingga ia memiliki rasa kepercayaan terhadap dirinya kemudian ia merasakan akibat perbuatannya tersebut. Akhirnya ia sadar dan insaf terhadap kesalahannya dan berjanji dalam hatinya tidak akan mengulangi kesalahannya. Apabila dalam tahap pertama ini belum berhasil maka dilanjutkan tahap yang kedua, iaitu berupa teguran, peringatan, dan nasihat-nasihat sebagaimana penjelasan Imām Al-Ghazālī, “maka dalam tindakan yang demikian kalau si anak masih kembali lagi berbuat tidak baik untuk kedua kalinya, maka sebaiknya ia tegur dengan sembunyi dan persoalan itu dianggap besar (akibatnya) terhadap anak itu. Kepadanya dikatakan awas setelah ini engkau jangan berbuat seperti ini lagi ya, kalau sampai ketahuan engkau berbuat demikian, rahasiamu akan diberitahukan kepada orang ramai. Selanjutnya setiap kali orang tua menegur anak, janganlah banyak bicara dengan hal ini, sebab banyak bicara disini akan menyebabkan si anak enteng mendengar celaan, menganggap mudah melakukan kejahatan-kejahatan dan perkataan (nasihat) itu tidak meresap dalam hati si anak”⁵⁸. Pada tahap yang kedua ini apabila masih belum berhasil, maka Imām Al-Ghazālī memperbolehkan untuk memberikan hukuman kepada anak dengan cara yang seringan-ringannya dan tidak terlalu menyakitkan badannya.

Kesimpulan

Pendidikan menurut Imām Al-Ghazālī adalah “Proses memanusiakan manusia sejak masa kejadiannya sampai akhir hayatnya melalui berbagai ilmu pengetahuan yang disampaikan dalam bentuk pengajaran secara bertahap. Tujuan pendidikan jangka panjang ialah pendekatan diri kepada Allāh. Menurut Imām Al-Ghazālī tujuan pendidikan jangka pendek adalah diraihinya profesi manusia sesuai bakat dan kemampuannya. Metodik pendidikan agama menurut Imām Al-Ghazālī, pada prinsipnya dimulai dengan hafalan dan pemahaman, setelah itu penegakan dalil-dalil dan keterangan yang menunjang penguatan akidah. Huraian Imām Al-Ghazālī tentang metod umum dan metod khusus iaitu membentuk akhlak mulia menunjukkan bahawa untuk mengadakan perubahan akhlak tercela anak adalah menyuruhnya melakukan perbuatan yang sebaliknya.

⁵⁷Rusn, Abidin Ibnu. 1998. *Pemikiran Al Ghazali Tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar. Hal: 23. Juga, Sulaiman, Fathiyah Hasan.1993. *Aliran-Aliran Dalam Pendidikan Studi Tentang Aliran Pendidikan Menurut Al-Ghazālī*. Semarang: Dina Utama, cetakan 1. Hal: 124

⁵⁸Sulaiman, Fathiyah Hasan.1993. *Aliran-Aliran Dalam Pendidikan Studi Tentang Aliran Pendidikan Menurut Al-Ghazālī*. Semarang: Dina Utama, cetakan 1. Hal: 141-142

Menurut Imām Al-Ghazālī, evaluasi pendidikan berarti usaha memikirkan, membandingkan, memprediksi (memperkirakannya), menimbang, mengukur, dan menghitung segala aktivitas yang telah berlangsung dalam proses pendidikan, untuk meningkatkan usaha dan kreativitasnya sehingga dapat memberi kesan dalam mencapai tujuan yang lebih baik di waktu yang akan datang. Menurut Imām Al-Ghazālī, subjek pendidikan terdapat dua kategori, yaitu Pendidik dan Murid. Sedangkan dalam menyusun kurikulum pelajaran, Imām Al-Ghazālī memberi perhatian khusus pada ilmu-ilmu agama dan etika serta didasarkan pada dua kecenderungan: kecenderungan agama dan tasawwuf; dan kecenderungan pada pelaksanaan. Sementara metod yang digunakan yaitu dimulai dengan hafalan dan pemahaman kemudian dilanjutkan dengan keyakinan dan pembenaran. Pendidikan apapun, menurut Imām Al-Ghazālī harus mengarah kepada pembentukan akhlak yang mulia. Evaluasi menurutnya yaitu usaha menimbang segala aktivitas yang telah berlangsung dalam proses pendidikan. Dan yang menjadi subjek evaluasi pendidikan meliputi: pimpinan, subjek didik, ibu bapak, dan seluruh tenaga pentadbiran. Dan juga yang menjadi evaluasi pendidikan adalah semua bentuk aktivitas yang terkait dengan tugas tanggungjawabnya masing-masing dalam proses pendidikan. Tujuan evaluasi pendidikan ialah mengawasi efektifitas dan efisiensi usaha dan sarana atau kemudahan-kemudahan serta mengetahui segi-segi yang mendukung dan yang menghambat jalannya proses kependidikan menuju tujuan yang berjaya.

Rujukan

- Garidner W. H. T. 1914. *Al-Ghazali's Mishkat al-Anwar and the Ghazali Problem*. (PDF). *Dar al-Islam*.
- Houran, George F. 1984. *A revised chronology of al-Ghazali's works*. (PDF). *Journal of the American Oriental Society*. 104 (2): 289–302.
- Imām Al-Ghazālī, Abū Hamīd. 1960. *Maqasid al-Falāsifah*. Sulaiman Dunya (ed). 2nd Ed. Al-Qahirah: Dar al-Ma'arif.
- _____. 1964. *Mi'yar al-'Ilm Fi Fann al-Mantiq*. Beirut: Dar al-Andalus.
- _____. 1994. *Mihak al-Nazar. Rafiq al-Najam* (ed). Beirut: Dar al-Fikr al-Lubnani.
- , 1978. *Ihya' Ulumu al-Din, Maktabah al-Jami'ah al-Islamiyyah, Makkah al-Mukarramah*,
- Justin Parrott. 2017. *Al-Ghazali and the Golden Rule: Ethics of Reciprocity in the Works of a Muslim*

Sage, Journal of Religious & Theological Information, 16:2, 68-78, DOI: 10.1080/10477845.2017.1281067

- MacDonald Duncan B. 1999. *The Life of al-Ghazzālī, with Especial Reference to His Religious Experiences and Opinions*. *Journal of the American Oriental Society*. 132–71 :20 .
- Nasution, Hasyimsyah. 2005. *Filsafat Islam*. Jakarta:Gaya media pratama.
- Osman, Bakar. 1997. *Hierarki Ilmu Membangun rangka Pikir Islamisasi Ilmu*. Bandung:Mizan.
- Rusn, Abidin Ibnu. 1998. *Pemikiran Al Ghazali Tentang Pendidikan*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Smith, Margaret, 1936 "The Forerunner of al-Ghazali", *Journal of the Royal Asiatic Society*, pp. 65–78.
- Soussi, K. 2016. *Al Ghazali Cultivates Education: A Comparison with Modern Theories*. *Islamic Spirituality: Theology and Practice for the Modern World*,4(11). doi:10.5040/9781474297820.0013
- Sulaiman, Fathiyah Hasan.1993. *Aliran-Aliran Dalam Pendidikan Studi Tentang Aliran Pendidikan Menurut Al-Ghazālī*. Semarang: Dina Utama, cetakan 1.

Watt. W. Montgomery.1952. *The Authenticity of the Works Attributed to al-Ghazālī*. (PDF). *Journal of the Royal Asiatic Society*. Doi :10.1017/S0035869X00105118.

Zainuddin. 1991. *Seluk Beluk Pendidikan Al Ghazali*. Jakarta: Bumi Aksara.

Website Reference:

Al-Ghazali:
In <https://web.archive.org/web/20120415041817/http://www.intellectualencounters.org/>
/h.